

# UNISSA anjur Hari Antarabangsa



REKTOR Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa berinteraksi bersama pelajar dari Jepun dan Nepal (atas). Sementara gambar kiri, sesi perkongsian pengalaman dan pendapat di antara pelajar tempatan dan antarabangsa melalui Sesi Forum.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 2 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Majlis Perwakilan Pelajar yang diusahakan oleh Unit Hal Ehwal Antarabangsa baru-baru ini mengadakan Hari Antarabangsa UNISSA bertempat di auditorium universiti berkenaan.

Majlis diadakan bertujuan untuk mengenali dan meraikan sosiobudaya mahasiswa dan mahasiswi antarabangsa yang mengikuti pengajian di UNISSA.

Seramai 150 pelajar antarabangsa UNISSA terlibat dalam penganjuran pameran yang

menunjukkan kebudayaan dari beberapa buah negara seperti Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand, benua Afrika, benua Asia dan negara-negara Timur Tengah. Pameran mengetengahkan keunikan identiti setiap negara melalui pakaian, makanan dan permainan tradisi di samping tempat-tempat menarik di negara masing-masing.

Selain itu, pameran juga menarik perhatian peranan ulama-ulama Islam yang terkenal dan sistem pendidikan Islam di negara yang terlibat.

Hadir menyaksikan pameran dan

persembahan pelajar antarabangsa ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis tersebut juga diteruskan dengan sesi perkongsian pengalaman dan pendapat di antara pelajar tempatan dan antarabangsa melalui Sesi Forum.

Perbincangan diadakan dengan mengupas peranan dan sumbangan pelajar antarabangsa di UNISSA dikendalikan oleh moderator daripada mahasiswa dari Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam dari Singapura, Awang Afiq Zikry bin Zulkifli.

Manakala ahli panel terdiri

daripada mahasiswa Sarjana dari Indonesia, Awang Muhammad Latif Mukti dan mahasiswa Sarjana Muda Usuluddin, pelajar tempatan, Awang Abdul Rahim bin Haji Mohd Arsat.

Forum tersebut menekankan konsep 'istifadah' yang bermaksud 'mengambil manfaat'. Huraian konsep ini ialah di mana pelajar antarabangsa dan tempatan saling mengambil manfaat dari persekitaran, pengalaman dan ilmu yang diperolehi.

Selain itu, pelajar UNISSA secara amnya adalah duta kecil yang berupaya untuk mengenalkan

UNISSA di persada tanah air dan antarabangsa, melalui akhlak, ilmu dan kebolehan mereka. Acara turut diserikan dengan sketsa pendek mengenai persahabatan daripada pelajar Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Singapura dan Thailand.

Hadir selaku tetamu kehormat pada forum tersebut ialah Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Dr. Hajah Lily Suzana binti Haji Shamsu, Pemangku Dekan Pelajar, pensyarah dan pelajar UNISSA serta jemputan dari Institusi Pengajian Tinggi.

## Pendaftaran Konvensyen Pemimpin Muda Brunei 2021 dilanjutkan

Siaran Akhbar :  
Konvensyen Pemimpin Muda Brunei 2021

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 2 Mac. - Pendaftaran bagi menyertai Konvensyen Pemimpin Muda Brunei 2021 kini dilanjutkan dan para belia yang berminat masih berpeluang untuk mendaftar.

Konvensyen Pemimpin Muda Brunei 2021, anjuran tiga gabungan usahawan muda tempatan, Perspective Insan Academy, Al-Huffaz Management dan Generasi Bekarib akan diadakan pada 23 hingga 25 Mac 2021 di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Temburong tersebut berhasrat untuk memobilisasikan para belia untuk turut serta dan bergiat aktif dalam membantu merealisasikan Wawasan Brunei 2035, iaitu Rakyat Yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya; Kualiti Kehidupan Rakyat Yang Tinggi; dan Ekonomi Dinamik dan Berdaya Tahan.

Pelbagai agensi yang berkepentingan sama ada daripada pihak kerajaan, swasta, masyarakat dan para belia akan turut sama menjayakan konvensyen tersebut melalui forum, interaksi dan sesi perkongsian.

Para belia yang mempunyai idea dan projek yang mampu membantu dan menyokong Wawasan Brunei 2035 adalah sangat digalakkan untuk menyertai konvensyen tersebut dan biasiswa bagi menyertai konvensyen secara percuma ditawarkan.

Para pemimpin belia yang terdiri daripada ahli majlis perwakilan pelajar, penuntut cemerlang, ahli pertubuhan bukan kerajaan, graduan dan pencari pekerjaan, eksekutif muda serta belia cemerlang dalam bidang masing-masing adalah digalakkan untuk turut serta menghadiri konvensyen tersebut.

Yuran pendaftaran bagi menghadiri konvensyen tersebut ialah BND200.

Para belia yang berhasrat untuk mendapatkan biasiswa bagi menyertai konvensyen tersebut bolehlah menghantar esei kepada pihak penganjur menerusi laman sesawang konvensyen.

Pendaftaran bagi menyertai konvensyen tersebut dilanjutkan sehingga 10 Mac 2021 iaitu 11.59 malam.

Pendaftaran dan permohonan biasiswa bolehlah dibuat melalui laman sesawang [www.bylconvention.com](http://www.bylconvention.com).

Sebarang maklumat lanjut, bolehlah melayari laman sesawang tersebut atau melalui laman sosial Instagram / Facebook / Twitter @bylconvention.

## Didedahkan tatacara tangani situasi kecemasan



SALAH seorang kakitangan Radisson Hotel semasa ditunjuk ajar tatacara penggunaan alat-alat pemadam api dan selimut api dengan cara yang betul semasa Kursus Fire Marshal.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 2 Mac. - Seramai 15 kakitangan Radisson Hotel mengikuti Kursus Fire Marshal selama tiga hari iaitu pada 22, 24 dan 25 Februari 2021 bertempat di Balai Bomba Bandar Seri Begawan dan dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'A' Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).

Para peserta didedahkan mengenai pentingnya keselamatan kebakaran secara teori dan praktikal mengenai sebab dan punca berlakunya kebakaran, mengetahui akan tindakan apabila menghadapi insiden kebakaran di

tempat kerja dengan membuat latihan pengosongan bangunan secara sistematis dan tatacara penggunaan alat-alat pemadam api dan selimut api dengan cara yang betul.

Selain itu, para peserta juga didedahkan tentang tatacara untuk menyelamatkan diri dari terperangkap di dalam bangunan bila berlakunya kebakaran, di samping membuat lawatan ke Unit Operasi Wanita bagi mengetahui fungsi bomba wanita serta mengenali perkakas-perkakas dan

peralatan bomba.

Dalam kesempatan ini, JBP juga menyediakan program-program keselamatan seperti Taklimat Keselamatan Umum Life Saver 995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api. Jika berlaku kecemasan, hubungi Talian Kecemasan 995 dan memberikan maklumat yang tepat.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat